

18 universiti menerima penarafan cemerlang

Tiada IPT capai Tier Enam kerana tak tepati kriteria MQA

Oleh Haika Khazi
haika@berharian.com.my

PUTRAJAYA: Tujuh lagi institusi pengajian tinggi (IPT) awam dan 11 IPT swasta di negara ini menerima pengiktirafan cemerlang atau Tier Lima menerusi Sistem Penarafan Insaniti Pengajian Tinggi (SETARA) yang dikendalikan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).

Bagaimanapun, masih tiada IPT mencapai Tahap Terbilang atau Tier Enam, iaitu peringkat paling baik, kerana tidak menepati kriteria ditetapkan MQA.

Penarafan itu dilakukan setiap dua tahun bermula 2007, bagi mengukur kedudukan IPT awam dan swasta dalam usaha kerajaan meningkatkan taraf institusi pendidikan tinggi negara ke peringkat antarabangsa.

Mengumumkan keputusan SETARA 2009 di sini, semalam, Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin, berkata tahun lalu penarafan itu diperlukan ke semua 58 universiti dan kolej universiti di seluruh negara, berbanding 20 IPT pada 2007.

Pada 2007, hanya Universiti Malaya (UM) menerima

Tahap Cemerlang dan UM mengekalkan kedudukan itu pada SETARA 2009.


Pada 2009 juga 11 IPT awam dan 14 IPT swasta mendukungi Tier Keempat, iaitu Tahap Sangat Baik, manakala empat IPT mendukungi Tier Tiga atau Tahap Baik. Tiada IPT disenaraikan pada kedudukan Tier Dua (Memuaskan) dan Tier Satu (Lemah).

Mohamed Khaled berkata, 11 IPT pula tidak dapat diberi penarafan kerana pelbagai faktor termasuk baru ditubuhkan, tidak menawarkan program ijazah pertama, tiada pelajar tahun akhir atau belum menghasilkan graduan dan universiti bukan konvensional seperti universiti terbuka yang mungkin memerlukan instrumen tersendiri.

Beliau berharap lebih banyak IPT menyertai penarafan itu dan memecahkan trafik untuk mencapai Tahap Terbilang pada SETARA 2011.

Mohamed Khaled berkata, penarafan SETARA 2009 memberi fokus terhadap pengajaran dan pembelajaran pada peringkat ijazah pertama yang dijalankan universiti dan kolej universiti terbabit.

"Pembangunan instrumen itu membolehkan pembandi-



Penarafan SETARA 2009 memberi fokus terhadap pengajaran dan pembelajaran pada peringkat ijazah pertama"
Mohamed Khaled Nordin
 Menteri Pengajian Tinggi

ngan dengan amalan Higher Education Funding Council of England (HEFCE) dan kajian Teaching & Learning Quality Indicators in Australia Universities oleh Denise Chalmers (2008) serta rakan negara ASEAN lain, iaitu tiga universiti di Indonesia dan 31 universiti di Thai-

land," katanya.

Beliau berkata, program kali ini juga membabitkan proses pengesahan oleh Jawatankuasa Verifikasi dipengerusikan seorang bekas hakim Mahkamah Tinggi dan dianggotai dua tokoh akademik serta perundangan yang meneliti instrumen kajian dan proses penarafan yang digunakan serta kesahihan data dikemukakan IPT.

Katanya, IPT awam yang mencapai tahap cemerlang akan menikmati banyak manfaat termasuk tajaan kerajaan bagi pengambilan pelajar dalam dan luar negara, boleh memohon dan menerima geran penyelidikan dan layak mendapatkan status universiti penyelidikan serta menambah program pelajar pra dan pasca siswazah.

IPT swasta pula diberi ke-longgaran dan pengecualian dalam beberapa perkara, termasuk permohonan permit mengajar, kelulusan menandatangani gaji pensyarah antarabangsa dan dibenarkan mengambil pelajar antarabangsa secara automatik, manakala IPT Terbilang mendapat tambahan keistimewaan autonomi untuk melaksanakan program pengajaran tanpa perlu melalui MQA.

Senarai IPTA dan IPTS hasil kajian program SETARA 2009

Tiada

IPTA

1. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)
2. Universiti Malaya (UM)
3. Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
4. Universiti Putra Malaysia (UPM)
5. Universiti Sains Malaysia (USM)
6. Universiti Teknologi Malaysia (UTM)
7. Universiti Teknologi Mara (UTM)

IPTS

1. Curtin University of Technology, Kampus Sarawak
2. International Medical University
3. Management and Science University
4. Monash University Sunway College
5. Sunway University College
6. Swinburne University of Technology, Kampus Sarawak
7. Taylor's University College
8. The University of Nottingham Kampus Malaysia
9. Universiti Kuala Lumpur
10. Universiti Multimedia
11. Universiti Teknologi Petronas (UTP)

IPTA

1. Universiti Darul Iman
2. Universiti Malaysia Pahang
3. Universiti Malaysia Perlis
4. Universiti Malaysia Sarawak
5. Universiti Malaysia Terengganu
6. Universiti Malaysia Sabah
7. Universiti Pendidikan Sultan Idris
8. Universiti Sains Islam Malaysia
9. Universiti Teknikal Malaysia Melaka
10. Universiti Tun Hussein Onn
11. Universiti Utara Malaysia

IPTS

1. Universiti AIMST
2. Asia Pacific University of Technology and Innovation
3. Cyberjaya University of Medical Sciences
4. HELP University College
5. Infi International University
6. Kolej Universiti Infrastruktur Kuala Lumpur
7. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
8. Limkokwing University of Creative Technology
9. Nilai University College
10. UCSI University College
11. Universiti Sains Selangor
12. Universiti Teknologi Nasional
13. Universiti Tunku Abdul Rahman
14. Universiti Tun Abdul Razak

IPTS

1. BINARY University College of Management & Entrepreneurship
2. International University College of Technology Twintech
3. Kolej Universiti Insanilah
4. Kolej Universiti Metropolitan Kuala Lumpur

Tiada